



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref.:

Ruj. Kami / Our Ref. : (01) 04/C/PK/789/13

24 Mei 2021

Semua Pemegang Lesen MPOB

Tuan,

PELAKSANAAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN DI SEKTOR PERLADANGAN & PENGILANGAN INDUSTRI SAWIT

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana yang sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 berkuat kuasa pada 25 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 dengan beberapa sekatan tambahan yang lebih ketat berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia untuk mengehadkan pergerakan. Lanjutan daripada pengumuman itu, kegiatan sektor perladangan dan komoditi termasuk industri sawit dan rantaiannya dibenarkan beroperasi dengan mematuhi segala arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Selaras dengan arahan yang dikeluarkan, setiap pemegang lesen MPOB hendaklah memastikan pengoperasian di sektor perladangan dan pengilangan sawit bermula pada 27 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 dilaksanakan seperti berikut:

- i. Bagi aktiviti yang dijalankan di premis yang sempit dan tertutup serta kerja-kerjanya boleh dilaksanakan dari rumah, jumlah pekerja yang hadir pada satu-satu masa adalah terhad kepada 60% sahaja dan penggiliran Bekerja Dari Rumah (BDR) pada tahap 40%.
- ii. Manakala bagi aktiviti yang dilaksanakan di kawasan terbuka dan bukan di ruangan yang sempit seperti di kilang, ladang sawit, tapak semaihan sawit, dan lain-lain aktiviti di kawasan terbuka, jumlah kehadiran pekerja adalah seperti biasa dengan mematuhi prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) seperti mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan sabun atau cecair pembasmi kuman serta melakukan imbasan suhu badan di pintu masuk premis.

4. Bagi memastikan segala pergerakan serta pelaksanaan aktiviti di setiap sektor dalam industri sawit berjalan dengan teratur dan selamat serta memenuhi arahan dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sila ikuti cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) ringkas untuk kegunaan pihak industri bagi menangani wabak COVID-19 yang pernah diedarkan sebelum ini (Lampiran 1).



5. MPOB amat menitikberatkan dan memandang serius agar semua pemegang lesen MPOB terus mematuhi SOP ketat yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan arahan-arahan lain yang berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bersama-sama kita membendung wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah, MPOB

- s.k

 - i. YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin B. Aman Razali
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, KPPK
 - ii. YB Datuk Willie Anak Mongin
Timbalan Menteri, KPPK
 - iii. YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng
Timbalan Menteri, KPPK
 - iv. YBhg. Datuk Ravi Muthayah
Ketua Setiausaha, KPPK

RANCANGAN PENGURUSAN RISIKO / KRISIS

1. Pekerja-pekerja dibahagikan kepada 2 kumpulan. Sekiranya salah seorang pekerja daripada satu kumpulan dijangkiti wabak, kumpulan yang lain masih boleh bekerja.
2. Senarai nama pekerja dan tempat bertugas mestilah direkodkan untuk memudahkan pekerja tersebut dikesan sekiranya terdapat kes jangkitan wabak.
3. Halang pihak luar atau pelawat memasuki estet/premis. Jika terpaksa pastikan mereka mendapatkan kebenaran.
4. Meluaskan jarak antara tenaga kerja dan hendaklah menjarakkan diri untuk mengelakkan sentuhan fizikal.
5. Meminimakan pekerja pentadbiran kepada hanya pekerja yang penting.
6. Pemeriksaan suhu dijalankan ke atas pekerja sebelum mula bertugas. Sediakan sanitizer berasaskan alkohol untuk pekerja mencuci tangan sebelum memulakan kerja, masa rehat dan selepas bekerja.
7. Pekerja bengkel diarahkan untuk bersedia pada bila-bila masa (on call) sekiranya terdapat kerosakan sahaja.
8. Pekerja dilarang makan dan minum secara berkumpulan, walau bagaimanapun, jika tidak dapat, mereka boleh makan di tempat yang sama tetapi sebaiknya jarak antara mereka sekurang-kurangnya 2 meter.
9. Elakkan perkumpulan orang secara beramai-ramai. Tidak dibenarkan segala upacara keagamaan atau majlis keramaian atau kenduri.
10. Perkara-perkara di atas boleh diubahsuai untuk kegunaan aktiviti-aktiviti di kilang-kilang buah serta kilang-kilang penapis.